

U B184 DEB

MAHATHIR - SABAH

KOTA BAHARU, 28 MAC (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MATHATHIR MOHAMAD BERKATA PILIHAN RAYA NEGERI SABAH TETAP DIADAKAN DAN KERAJAAN CAMPURAN TETAP DIWUJUDKAN SEKALIPUN ADA PARTI MEMENANGI KERUSI TERBANYAK DALAM PILIHAN RAYA ITU.

KATANYA, PILIHAN RAYA ITU TIDAK DAPAT DIELAKKAN KERANA PENGISYTIHARAN PEMBUBARAN DEWAN UNDANGAN NEGERI OLEH YANG DIPERTUA NEGERI SABAH TIDAK DAPAT DITARIK BALIK MENGIKUT UNDANG-UNDANG.

SEMASA BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN KETUA-KETUA DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN 13 BAHAGIAN UMNO DI SELURUH KELANTAN DI SEBUAH HOTEL DI SINI TENGAH HARI INI, BELIAU BERKATA WALAUPUN JIKA PBS MEMENANGI KERUSI TERBANYAK DALAM PILIHAN RAYA ITU SEBUAH KERAJAAN CAMPURAN ANTARA PBS, USNO DAN BERJAYA PASTI DITUBUHKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional, BERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS CADANGAN PBS KEPADA BERJAYA DAN USNO BAHAWA KETIGA-TIGA PARTI AKAN MENUBUHKAN KERAJAAN CAMPURAN DI SABAH SELEPAS PILIHAN RAYA NEGERI KELAK. -- LAGI
1347MST 28 03 86

D552

U B190 DEB

MAHATHIR - SABAH 2 KOTA BAHARU

PERDANA MENTERI BERKATA PADA UMUMNYA SEKARANG TELAH MENAMPAKKAN ADA TANDA-TANDA PERSETUJUAN DICAPAI ANTARA KETIGA-TIGA PIHAK.

PADA PANDANGAN BELIAU, BERJAYA TIDAK ADA HALANGAN APA-APA KEPADA PERSETUJUAN ITU SEBALIKNYA AKAN MENGIKUT SAHAJA MANAKALA USNO PULA PADA UMUMNYA JUGA BERSETUJU.

BELIAU BERKATA PERJANJIAN ITU MUNGKIN DITANDATANGANI ESOK DAN BELIAU DIFAHAMKAN BAHAWA PERJANJIAN ITU TERMASUK PENUBUHAN KERAJAAN CAMPURAN DI SABAH.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SANGAT-SANGAT BERHARAP KEJADIAN-KEJADIAN YANG TIDAK DIINGIN SEPERTI PERGADUHAN, LETUPAN BOM DAN TUNJUK PERASAAN YANG BERLAKU DI SABAH AKAN BERAKHIR.

+ YANG KITA KEHENDAKI IALAH SUPAYA SEMUA PERBUATAN YANG TIDAK DIINGINI DI SABAH DIBERHENTIKAN,+ TEGASNYA.

KATANYA, KEJADIAN SEPERTI ITU HANYA DAPAT DIBERHENTIKAN JIKA SEMUA PIHAK YANG TERBABIT MEMBERI KERJASAMA DAN BELIAU YAKIN MEREKA SEBAGAI ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB SUDAH PASTI TIDAK MAHU MELIHAT PERKARA-PERKARA MUDARAT BERLAKU DI SABAH. -- LAGI.
1427MST 28 03 86

MAHATHIR - SABAH 3 KOTA BAHARU

APABILA DITANYA MENGAPAKAH BARU SEKARANG PBS BERSETUJU MENUBUHKAN KERAJAAN CAMPURAN SEDANGKAN PERKARA ITU DICADANGKAN SEKIAN LAMA, PERDANA MENTERI BERKATA SEBENARNYA MEREKA (PBS) SUDAH MENCUBA....

BELIAU BERKATA PBS TIDAK DAPAT DITERIMA SEBAGAI SEBUAH KERAJAAN TERSENDIRI KERANA PARTI ITU DIWAKILI OLEH HANYA SATU KETURUNAN ATAU JIKA LEBIH PUN DUA KAUM SAHAJA.

KATANYA, BAGI MEMBOLEHKAN PARTI ITU DIAKUI SEBAGAI ANGGOTA KOMPONEN BARISAN NASIONAL, IA MESTILAH DIWAKILI OLEH PELBAGAI MASYARAKAT DI SABAH.

PBS TELAH MENCUBA Mendapatkan sokongan dan penyertaan kaum-kaum lain (selain kadazan) tetapi malangnya usaha mereka menyebabkan berlaku ketegangan dan ketakkestabilan politik di Sabah.

BELIAU BERPENDAPAT Pendekatan PBS itu untuk menjadi sebuah parti pelbagai kaum tidak betul dan mereka perlu memikirkan cara-cara lain iaitu dengan menubuhkan kerajaan campuran.

PERDANA MENTERI BERDOA DAN BERHARAP SATU PENYELESAIAN DICAPAI DAN KEADAAN DI SABAH KEMBALI PULIH SEPERTI SEDIA KALA. -- BERNAMA
1441MST 28 03 86